

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 04 OKTOBER 2021 (ISNIN)

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kadar pengangguran di kalangan orang muda dan graduan pada tahun 2020 dan sehingga Ogos 2021. Nyatakan usaha untuk membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan yang berkualiti.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan data terkini Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), **kadar pengangguran belia berumur 15-24 tahun merekodkan 11.0% pada suku kedua 2021** iaitu menurun 1.5 peratus berbanding 12.5% pada suku kedua 2020.

Statistik Siswazah 2020 oleh DOSM juga melaporkan **kadar pengangguran siswazah meningkat kepada 4.4%** berbanding 3.9% pada 2019. Kerajaan juga berusaha meningkatkan ketersediaan dan kebolehpasaran bakat melalui pemerkasaan elemen kemahiran sendiri, kemahiran dan kompetensi selaras dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa melalui inisiatif berikut:

## SOALAN NO : 34

- (i) **Nurturing EXpert Talent (MYNext):** MYNext adalah platform setempat solusi bakat bersepadu dan data analitis yang menggabungkan graduan, pekerja, syarikat dan institusi pendidikan. Fokus utama adalah untuk merapatkan jurang di antara penawaran bakat di Malaysia dengan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*). MYNext juga bertindak sebagai portal bagi memudahkan latihan industri di peringkat nasional;
- (ii) **Program Latihan Industri Berstruktur (*Structured Internship Programme - SIP*):** Selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam aspek bakat sedia-industri, SIP bertindak sebagai penggalak kepada penyertaan dan penglibatan syarikat dan industri untuk melatih bakat muda negara. Ia juga membuka serta menawarkan lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai berganda. SIP telah memanfaatkan lebih 90,000 bakat graduan untuk menyempurnakan Latihan Industri secara lebih berstruktur bersama syarikat dan pemain industri tempatan;
- (iii) **Young Employable Students (YES!):** Satu intervensi proaktif dengan penerapan elemen pendedahan aspek kebolehpasaran graduan negara melalui kerjasama rakan kolaborasi strategik dalam usaha meningkatkan ketersediaan bakat graduan sebelum melangkah ke pasaran pekerjaan. Ia menerapkan elemen kepimpinan, bimbingan kerjaya, bengkel *soft-skills* berkaitan kerjaya, keusahawanan dan pendedahan kepada perkembangan semasa pasaran pekerjaan. Inisiatif ini telah memberi nilai tambah kepada 10,000 bakat graduan di insituti pengajian tinggi awam dan swasta sejak ia dilaksanakan pada Oktober 2019;
- (iv) **Kolaborasi Industri-Akademia (*Industry-Academia Collaboration - IAC*):** Jalinan kerjasama industri untuk kebolehpasaran siswazah bagi memastikan bekalan modal insan berprestasi tinggi dan sedia untuk pasaran di Malaysia.

## SOALAN NO : 34

- (v) Platform ***UpskillMalaysia*** di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) berperanan sebagai pusat maklumat bagi program peningkatan kemahiran dan latihan semula. Program *upskilling* dan *reskilling* disediakan kepada golongan pekerja untuk mempertingkatkan kemahiran mereka bagi menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik; dan
- (vi) **Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR):** TalentCorp berkolaborasi bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerajui inisiatif STAR berperanan untuk memudahkan transisi graduan tajaan Kerajaan yang tidak berpeluang mendapat penempatan pekerjaan di sektor awam untuk menyempurnakan ikatan perjanjian biasiswa bersama syarikat dan pemain industri terkemuka Malaysia. Sebagai usaha mengoptimumkan pulangan pelaburan Kerajaan (*Government's Return on Investment*), pelajar tajaan Kerajaan ini dilihat sebagai aset negara dan takungan bakat berkepentingan dalam membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah yang lebih mampan.